

**GARIS PANDUAN URUSAN PENILAI
LUAR BAGI URUSAN KENAIKAN
PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR
MADYA (GRED 54) DAN KE JAWATAN
PROFESOR (GRED VK7) DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(UiTM)**

GARIS PANDUAN URUSAN PENILAI LUAR BAGI URUSAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA (GRED 54) DAN KE JAWATAN PROFESOR (GRED VK7) DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 PENGENALAN

Penilai Luar ialah seorang yang mempunyai kepakaran dalam bidang dinilai dan dilantik oleh Universiti untuk menilai hasil kegiatan akademik calon-calon ke jawatan kenaikan pangkat Profesor Madya Gred 54 dan Profesor Gred Khas C (VK7).

2.0 SYARAT – SYARAT PELANTIKAN PENILAI LUAR

- 2.1 Penilai Luar yang dilantik hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut, iaitu:-
 - 2.1.1 Profesor dari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya (untuk ke jawatan Profesor Gred Khas C);
 - 2.1.2 Profesor / Profesor Madya dari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi dalam atau luar negara, atau yang setaraf dengannya (untuk ke jawatan Profesor Madya Gred 54);
 - 2.1.3 Dapat memberi penilaian pakar/ profesional mengenai calon yang dinilai; dan
 - 2.1.4 Tidak mempunyai hubungan kekeluargaan/ persaudaraan dengan calon dinilai.
- 2.2 Penilai Luar yang sama tidak boleh dilantik bagi urusan kenaikan pangkat calon yang mengemukakan semula permohonan kenaikan pangkat di gred jawatan yang sama, buat kali kedua atau seterusnya.

3.0 PROSEDUR PELANTIKAN PENILAI LUAR

- 3.1 Penilai Luar dikenal pasti dan disahkan oleh Lembaga Akademik/ Jawatankuasa Kecil Kesepakatan Fakulti.
- 3.2 Penilai Luar bagi Dekan yang memohon kenaikan pangkat akan dikenal pasti oleh Dekan sebagai pemohon dan cadangan tersebut akan dikemukakan kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) untuk pengesahan.
- 3.3 *Curriculum Vitae (CV)* lengkap dalam bentuk *hard-copy* dan Borang Pencalonan Penilai Luar (BPPPK/Pencalonan Penilai Luar/2013) hendaklah dikemukakan kepada urus setia kenaikan pangkat bagi urusan pelantikan oleh Naib Canselor.

- 3.4 Bagi proses kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C (Gred VK7), pihak fakulti perlu mencadangkan **empat (4)** orang Penilai Luar. Penilaian positif dari dua (2) orang Penilai Luar (sekurang-kurangnya seorang Penilai Luar dari luar negara) diperlukan untuk dipertimbangkan ke peringkat seterusnya.
- 3.5 Bagi proses kenaikan pangkat ke jawatan Profesor Madya (Gred 54), pihak fakulti perlu mencadangkan **tiga (3) orang** Penilai Luar. Penilaian positif dari seorang (1) Penilai Luar diperlukan sama ada Penilai Luar dari luar negara / dalam negara untuk dipertimbangkan ke peringkat seterusnya.
- 3.6 Tempoh pelantikan Penilai Luar adalah selama **dua (2) tahun**.
- 3.7 Pihak urus setia akan menghantar CV dan hasil akademik yang telah disokong oleh Jawatankuasa Gugusan Kenaikan Pangkat kepada Penilai Luar setelah bersetuju menerima pelantikan.
- 3.8 Tempoh **lapan (8) minggu** untuk Penilai Luar luar negara dan **enam (6) minggu** untuk Penilai Luar dalam negara diberikan kepada Penilai Luar untuk menyediakan laporan dan dihantar kembali kepada urus setia.
- 3.9 Bayaran Penilai Luar diuruskan oleh pihak Bendahari sebanyak tiga ratus ringgit (RM300) kepada Penilai Luar untuk setiap penilaian yang dibuat.

4.0 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENILAI LUAR

- 4.1 Menilai kesesuaian calon secara umum dari aspek akademik dan profesional untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred jawatan yang dipohon, berdasarkan *Curriculum Vitae* dan hasil kegiatan akademik calon.
- 4.2 Menyediakan laporan penilaian/ ulasan pakar dan mengemukakan kepada Urus Setia Kenaikan Pangkat Akademik di Bahagian Pengurusan Prestasi dan Peningkatan Kerjaya.
- 4.3 Penilaian yang dibuat hendaklah mengikut keperluan dan kriteria yang ditetapkan oleh Universiti Teknologi MARA.

CARTA ALIR PROSEDUR URUSAN PELANTIKAN PENILAI LUAR

